

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16

### Langkah elak kenaikan harga berkali-kali

## Langkah elak kenaikan harga berkali-kali

**Kuala Lumpur:** Menteri Ekonomi Rafizi Ramli (gambar) menyatakan penyasaran subsidi dibuat secara tiba-tiba kerana mahu mengimbangi kesan yang berlaku.

Beliau turut memberikan contoh, sekiranya jumlah penyasaran subsidi itu diumumkan lebih awal, ia akan menyebabkan berlakunya banyak kali kenaikan harga barang.

Ia kerana, katanya, kenaikan harga barang ditegaskan oleh peniaga.

"Contohnya, kalau diumumkan lebih awal beberapa dan sebagainya, a boleh menyebabkan kenaikan harga barang berlaku berkali-kali.



"Sebab itu keputusan kerajaan lebih baik (penyasaransubsidi) dibuat apabila semua sudah selesai di peringkat kerajaan. Itu mengurangkan risiko kenaikan berkali-kali (dan) berbulan berlaku apabila peniaga menggunakan alasan tempoh yang datang ada beberapa siri kenaikan," katanya menerusi pertanyaan jawab lisan di Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran)** bertanyakan mengapa penyasaransubsidi diesel dibuat secara mengejut sebelum ini.

Sebelum ini turut dilapor-

kan, Rafizi dalam satu wawancara bersama Bloomberg menyatakan kerajaan menggunakan strategi sama iaitu dengan tidak membuat makluman awal kepada umum mengenai sebarang keputusan berkaitan penyasaransubsidi petrol jenis RON95.

Mengulas lanjut, Rafizi memaklumkan keputusan melaksanakan penyasaransubsidi itu sebaiknya dikekalkan di peringkat pengetahuan kerajaan sahaja.

Ahli Parlimen Pandan itu berkata, perkara itu kemudiannya akan diumumkan sebaik sahaja kerajaan sudah membuat keputusan mengenainya.